


RINGKASAN BAJET 2012


ANGGARAN HASIL 2012

Hasil Kerajaan Negeri Melaka disasarkan sebanyak RM245.27 juta terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Hasil Cukai sebanyak RM98.98 juta (40.35%), Hasil Bukan Cukai sebanyak RM76.47 juta (31.18%) dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM69.82 juta (28.47%) sepertimana yang ditunjukkan di dalam carta di bawah:-




ANGGARAN PERBELANJAAN 2012

Anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri Melaka yang diperakukan pada tahun 2012 adalah berjumlah RM307.68 juta. Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan sebanyak RM245.12 juta yang mana terdiri daripada Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM237.42 juta (77.16%) dan Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM7.70 juta (2.50%). Manakala Perbelanjaan Pembangunan diperuntukkan sebanyak RM62.56 juta (20.34%) sepertimana yang ditunjukkan di dalam carta di bawah:-



PERBELANJAAN MENGURUS 2012

Anggaran perbelanjaan Mengurus berjumlah RM245.12 juta diagihkan mengikut objek – Objek Am seperti berikut. Emolumen sebanyak RM72.99 juta (29.78%), Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM98.86 juta (40.33%), Aset sebanyak RM1.0 juta (0.41%), Pemberian dan Kenaan Tetap RM69.06 juta (28.17%) dan Perbelanjaan Lain RM3.20 juta (1.31%) sepertimana yang ditunjukkan di dalam carta di bawah:-



PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2012

Anggaran perbelanjaan Pembangunan 2012 berjumlah RM62.56 juta iaitu secara Langsung Negeri sebanyak RM46.56 juta (74.43%) dan secara pinjaman sebanyak RM16.0 juta (25.57%) sepertimana yang ditunjukkan di dalam carta di bawah:-

